

Bomba yakin remaja Ireland masih hidup

BERNAMA | 07 Ogos 2019 2:49 PM



BEBERAPA orang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat dan orang kampung dilihat keluar dari pusat peranginan Resort The Dusun Pantai Hill yang merupakan lokasi seorang pelancong dari Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, dilaporkan hilang semasa bercuti bersama ahli keluarganya ketika tinjauan di lokasi tersebut hari ini. Menurut Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan SAC Che Zakaria Othman setakat ini seramai 168 anggota dari pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Perhutanan serta masyarakat Orang Asli. – BERNAMA

NILAI 7 Ogos - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yakin gadis warganegara Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang di resort The Dusun, Pantai di sini sejak Ahad lepas masih hidup.

Ketua Balai JBPM Seremban Mohamad Idris berkata hal ini kerana kawasan resort berkenaan berdekatan dengan sumber air seperti sungai dan jeram.

"Logiknya, walaupun empat hari hilang tapi jika ada sungai, peluang hidup itu masih ada kerana terdapat sumber air meskipun tiada makanan,

"Sebab itu, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) hari ini tertumpu di kawasan sepanjang sungai ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata seramai 40 anggota dan pegawai JBPM Seremban, Kuala Lumpur dan Selangor termasuk Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dikerahkan dalam operasi SAR yang memasuki hari keempat, hari ini.

"Seramai 10 anggota PPDA memulakan operasi menyelam di sungai ini khususnya di kawasan jeram dan dasar sungai yang dalam.

"Pasukan bomba dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut sektor pencarian termasuk dalam kawasan hutan," katanya.